

Wakaf Digital Malaysia: Hadis, Rantai Blok dan Visi Ekosistem Filantropi Berterusan

*[Digital Waqf Malaysia: Hadith, Blockchain and
the Vision of a Sustainable Philanthropic Ecosystem]*

Zaim Sabirin Yusoff¹, Siti Nurwanis Mohamed², M. Riza Muarriif³, Siti Nuroh Mohamed⁴, Khairul Fawwaz Mat Taib⁵ & Ahmad Junaidi Che Ariffin⁶

¹ (Corresponding Author) Faculty of Usuluddin and Al-Quran & Sunnah, Sultan Ismail Petra International Islamic College University, 15730, Malaysia, Email: zaim@kias.edu.my

² Department of Al-Quran and Al-Hadith, University of Malaya, 50603, Malaysia, Email: nurwanismohamed@gmail.com.

³ Faculty of Islamic Studies, University of Muhammadiyah, 65144, Indonesia, mr.muarrif@unmuha.ac.id

⁴ Faculty of Usuluddin and Al-Quran & Sunnah, Sultan Ismail Petra International Islamic College University, 15730, Malaysia, Email: nuroh@kias.edu.my

⁵ Faculty of Islamic Studies and Arabic Language, Sultan Ismail Petra International Islamic College University, 15730, Malaysia, Email: fawwaz@kias.edu.my

⁶ Faculty of Usuluddin and Al-Quran & Sunnah, Sultan Ismail Petra International Islamic College University, 15730, Malaysia, Email: padi_ahmad@yahoo.com

ABSTRACT

This study examines the framework of digital waqf in Malaysia, emphasising the hadith of Umar r.a. as the primary and most authoritative legal source. It aims to analyse the hadith text to extract key waqf principles, particularly the preservation of the principal asset and the ongoing distribution of benefits, and to integrate these principles with modern digital innovations. Using a qualitative methodology through in-depth content analysis, the study relies on primary sources from classical hadith and fiqh literature, with secondary sources providing context for technological applications. The findings are organised into three main dimensions: firstly, it discusses the fundamental hadith principles of waqf; secondly, it explores the integration of hadith-based fiqh with digital waqf; and thirdly, it presents a vision for developing a comprehensive ecosystem to realise the concept of ṣadaqah jāriyah. The research concludes that the success and validity of any digital waqf initiative in Malaysia depend entirely on adherence to the principles derived from the hadith of Umar r.a. The analysis indicates that blockchain technology has the potential to serve as a Shariah-compliant tool for safeguarding the perpetuity of waqf assets, while enhancing efficiency, transparency, and integrity in management. However, further empirical evidence is needed to validate its practical effectiveness. Additionally, structural and systemic challenges, such as inconsistencies in legal frameworks and the necessity for robust Shariah governance, must be addressed. This study

contributes to the literature by providing fiqh-based and conceptual references for the development of digital waqf, without claiming the creation of new theories. The findings suggest that successful transformation requires a holistic approach, including standardised governance frameworks and technological integration supported by rigorous Shariah oversight. This research is particularly relevant for policymakers, waqf institutions, and Shariah authorities.

Keywords: Digital Waqf; Hadith; Blockchain; Vision; Malaysia

ABSTRAK

Kajian ini meneliti kerangka wakaf digital di Malaysia dengan tumpuan utama kepada Hadis Umar r.a. sebagai sumber perundangan tunggal dan terpenting. Kajian ini bertujuan menganalisis teks Hadis Umar r.a. bagi mengekstrak prinsip-prinsip wakaf yang relevan, terutamanya *habsu al-aʿṣl* dan *tasbīl al-thamar*, seterusnya mengintegrasikannya dengan inovasi digital. Menggunakan pendekatan kualitatif dengan reka bentuk analisis kandungan yang mendalam, data primer dikumpul daripada kitab hadis dan fiqh, manakala data sekunder digunakan untuk konteks aplikasi teknologi. Dapatan kajian ini dibahagikan kepada tiga aspek utama iaitu: [*Pertama*]: Asas dan prinsip hadis wakaf; [*Kedua*]: Fiqh hadis dan waqaf digital; dan [*Ketiga*]: Visi ekosistem dalam merealisasikan *ṣadaqah jāriyah*. Hasil kajian menunjukkan bahawa kejayaan dan kesahihan mana-mana platform wakaf digital di Malaysia bergantung sepenuhnya pada pemeliharaan prinsip asas Hadis Umar r.a.. Analisis mendapati teknologi blok rantai mempunyai potensi untuk berfungsi sebagai instrumen yang selari dengan syariah dalam menjamin keutuhan harta wakaf serta meningkatkan aspek kecekapan, ketelusan dan integriti pengurusan, walaupun bukti empirikal lanjut masih diperlukan untuk mengesahkan keberkesanan praktikalnya. selain itu, cabaran struktur dan sistemik seperti ketidakseragaman undang-undang serta keperluan tadbir urus syariah yang kukuh perlu ditangani. Kajian ini menyumbang kepada literatur dengan menyediakan asas rujukan fiqh dan konseptual bagi pembangunan wakaf digital, tanpa mendakwa pembinaan teori baharu. Dapatan mencadangkan bahawa transformasi yang berjaya memerlukan pendekatan holistik, termasuk rangka kerja tadbir urus yang seragam dan integrasi teknologi yang disokong oleh pengawasan syariah yang ketat. Kajian ini relevan untuk pembuat dasar, institusi wakaf dan pakar syariah dalam usaha memajukan ekosistem wakaf digital yang patuh syariah di Malaysia.

Kata Kunci: Wakaf Digital; Hadis; Rantai Blok; Visi; Malaysia

How to Cite:

Received: 30-10-2025

Accepted: 18-11-2025

Published: 30-11-2025

Sabirin Yusoff., Mohamed, S. N., Muarrif, M. R., Mohamed, S. N., Mat Taib, K. F., & Che Ariffin, A. J. (2025). *Wakaf Digital Malaysia: Hadis, Rantai Blok dan*

1. Pendahuluan

Wakaf merupakan institusi sosioekonomi Islam yang memainkan peranan penting dalam pembangunan ummah sepanjang sejarah. Berdasarkan Hadis Umar, wakaf melibatkan pengekalan harta asal sambil mengagihkan manfaatnya untuk tujuan kebajikan. Dalam era Revolusi Industri 4.0, konsep wakaf telah berkembang kepada satu dimensi baharu melalui pendigitalan, yang dikenali sebagai wakaf digital.

Wakaf digital dapat didefinisikan daripada dua perspektif utama, iaitu: [Pertama]: Perspektif Operasional: Wakaf digital merujuk kepadaperbuatan mewakafkan harta atau aset melalui platform digital (seperti aplikasi mudah alih, laman sesawang, atau medium elektronik lain), yang mana keseluruhan proses mewakafkan, pengurusan dan pengagihan manfaat wakaf dilaksanakan secara digital (Hasan et al., 2021); dan [Kedua]: Perspektif Aset: Wakaf digital didefinisikan sebagai pewakafan yang melibatkan aset digital sebagai subjek wakaf, seperti mata wang kripto, token digital dan harta intelek digital (Bakar, 2019). Wakaf digital juga merangkumi sistem pengurusan wakaf berasaskan teknologi blok rantai dan kontrak pintar (Lahsasna & Hassan, 2021).

Blok rantai adalah teknologi yang berfungsi sebagai buku nota digital yang desentralisasi, membolehkan penyimpanan dan pengesahan transaksi secara selamat dan telus. Dalam konteks wakaf digital, blok rantai menawarkan penyelesaian inovatif untuk pengurusan aset wakaf. Semua transaksi wakaf dapat direkodkan secara kekal dan tidak boleh diubah, yang meningkatkan kepercayaan antara pewakaf dan penerima manfaat. Hal ini juga membolehkan pemantauan yang lebih baik terhadap penggunaan dana wakaf, memastikan bahawa ia digunakan untuk tujuan yang dimaksudkan (Zulaikha & Rusmita, 2018; *World Scientific and Engineering Academy and Society (WSEAS)*, 2024).

Kontrak pintar pula adalah perjanjian yang dilaksanakan secara automatik melalui kod yang ditulis dalam blok rantai. Hal ini membolehkan proses seperti pengagihan dana wakaf dilakukan tanpa memerlukan campur tangan manusia, menjadikannya lebih cepat dan efisien. Dengan kontrak pintar, syarat-syarat tertentu boleh ditetapkan, dan apabila syarat tersebut dipenuhi, kontrak akan dilaksanakan secara automatik. Perkara ini mengurangkan risiko penipuan dan memastikan bahawa semua pihak terlibat mematuhi perjanjian yang telah ditetapkan (*Multidisciplinary Digital Publishing Institute (MDPI)*, 2024).

Pengurusan dan pembangunan aset wakaf di Malaysia menghadapi beberapa cabaran kritikal yang memerlukan penyelesaian inovatif.

Ketidakcekan dalam pengurusan aset wakaf tradisional, termasuk isu aset tidak produktif dan kekurangan dana pembangunan, telah dikenal pasti sebagai masalah utama (Johari et al., 2019). Selain itu, kesukaran dalam pengumpulan dan pengagihan dana wakaf secara konvensional menyebabkan penyertaan awam terhad (Mahamood et al., 2021). Cabaran lain termasuk memastikan pematuhan syariah dalam pelaksanaan wakaf digital, terutamanya berkaitan keselamatan siber dan integriti transaksi (Kamali, 2020). Justeru, timbul persoalan bagaimana prinsip hadis, khususnya Hadis Umar r.a. yang menekankan pengekalan asal dan manfaat berterusan, dapat dijadikan asas dalam merangka penyelesaian digital yang mampu mengatasi cabaran-cabaran ini.

Walaupun terdapat peningkatan dalam penyelidikan berkaitan wakaf digital, beberapa jurang pengetahuan masih wujud. Kajian sedia ada lebih tertumpu kepada aspek teknikal pelaksanaan wakaf digital (Rahmalan & Hussin, 2021) atau isu-isu pengurusan wakaf secara umum (Ali et al., 2017). Namun begitu, masih belum jelas bagaimana prinsip hadis boleh diintegrasikan secara sistematik ke dalam kerangka teknologi digital. Persoalan kajian yang timbul ialah, sejauh mana prinsip hadis dapat dijadikan panduan dalam membina model wakaf digital yang patuh syariah, dan apakah bentuk rangka kerja konseptual yang sesuai untuk menghubungkan asas fiqh dengan keperluan teknologi semasa (Hasan & Hassan, 2020; Lahsasna & Amir, 2022). Dengan merumuskan persoalan ini, kajian berusaha mengisi jurang literatur dengan menekankan integrasi antara sumber normatif Islam dan inovasi teknologi.

Sehubungan itu, kajian ini bertujuan untuk menganalisis teks Hadis Umar r.a. bagi mengekstrak prinsip dan amalan wakaf yang relevan, terutamanya prinsip *habsu al-asl* (menahan atau membekukan harta pokok wakaf) dan *tasbīl al-thamar* (penyaluran hasil wakaf secara berterusan), untuk diaplikasikan dalam konteks wakaf digital. Kajian ini signifikan kerana ia menyediakan asas teoretikal dan fiqh yang kukuh untuk pembangunan wakaf digital, dengan mengintegrasikan secara langsung prinsip tradisional wakaf daripada Hadis Umar r.a. dengan inovasi teknologi digital terutamanya blok rantai. Dapatan kajian ini diharapkan dapat menyumbang kepada pembangunan rangka kerja tadbir urus yang seragam dan patuh syariah untuk wakaf digital di Malaysia, sekali gus meningkatkan kecekapan, ketelusan dan integriti institusi wakaf dalam era digital.

2. Skop Dan Metodologi Kajian

Kajian ini secara spesifik meneliti kerangka wakaf digital di Malaysia dengan memfokuskan kepada Hadis Umar r.a. sebagai sumber perundangan fiqh tunggal dan terpenting. Pemilihan hadis ini dibuat kerana ia merupakan

riwayat paling awal dan paling autoritatif yang sering dijadikan asas oleh fuqaha dalam merumuskan hukum wakaf. Hadis Umar r.a. bukan sahaja mendokumentasikan amalan wakaf pertama dalam sejarah Islam, tetapi juga menetapkan dua prinsip teras yang bersifat universal, iaitu *ḥabsu al-aṣl* dan *tasbīl al-thamar*. Walaupun terdapat amalan wakaf daripada sahabat lain, kajian ini tidak menafikan kepentingannya, namun pemfokusan kepada satu hadis utama adalah keputusan metodologi bagi membolehkan analisis fiqh yang lebih mendalam dan sistematik.

Skop kajian ini tidak hanya terhenti pada deskripsi teknologi; sebaliknya, tujuan utamanya adalah untuk menjalankan analisis fiqh hadis secara mendalam. Oleh itu, kajian ini berhasrat membuktikan bahawa kejayaan dan kesahihan mana-mana platform wakaf digital di Malaysia bergantung sepenuhnya pada pemeliharaan dua prinsip asas yang ditetapkan oleh hadis ini. Di samping itu, integrasi inovasi kontemporari seperti blok rantai, kontrak pintar dan IoT dipertimbangkan dalam skop ini semata-mata sebagai instrumen syariah yang berfungsi untuk mengukuhkan tuntutan hadis tersebut dan menjamin keabadian harta wakaf, selaras dengan visi *ṣadaqah jāriyah*.

Sehubungan dengan itu, kajian ini mengaplikasikan pendekatan kualitatif dengan reka bentuk analisis kandungan yang mendalam (*in-depth content analysis*). Untuk memastikan ketepatan analisis fiqh, data primer dikumpul secara terperinci daripada kitab hadis *al-Ṣaḥīḥayn*, syarah hadis dan kitab fiqh klasik. Sementara itu, data sekunder, yang merangkumi jurnal akademik kontemporari mengenai blok rantai, *fintech* Islam dan garis panduan kawal selia Malaysia yang digunakan untuk menyediakan konteks aplikasi teknologi dan mengenal pasti cabaran perundangan semasa. Selanjutnya, proses analisis dijalankan melalui tiga peringkat pertama iaitu analisis tekstual, yang meneliti kesahihan dan interpretasi matan Hadis Umar r.a., peringkat kedua-dua ialah analisis tematik (fiqh), yang membina rukun dan syarat fiqh wakaf yang diekstrak daripada hadis. Manakala peringkat yang ketiga ialah analisis kontekstual, yang mengintegrasikan prinsip fiqh hadis ini dengan teknologi, terutamanya peranan blok rantai dalam ekosistem wakaf digital.

3. Hasil Kajian

Hasil kajian ini membincangkan tiga aspek utama berkaitan wakaf digital di Malaysia yang pertama ialah asas dan prinsip hadis wakaf. Kedua ialah fiqh hadis dan waqaf digital. Manakala yang ketiga ialah visi ekosistem dalam merealisasikan *ṣadaqah jāriyah*. Ketiga-tiga aspek ini dibincangkan secara terperinci berdasarkan kajian literatur, data empirikal dan pandangan pakar dalam bidang wakaf, teknologi digital dan Syariah.

3.1 Asas dan Prinsip Hadis Wakaf

Perbincangan mengenai asas dan prinsip hadis dalam wakaf digital dimulakan dengan penelitian terhadap konsep asas wakaf yang terkandung dalam hadis sahih, khususnya Hadis Umar r.a. yang menjadi rujukan utama dalam pensyariaan wakaf. Hadis ini merupakan hadis yang menceritakan kisah bagaimana Saidina Umar r.a. memperoleh sebidang tanah di Khaibar dan kemudiannya mewakafkannya atas nasihat Rasulullah SAW sebagaimana berikut:

عَنْ ابْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا: أَنَّ عُمَرَ بْنَ الْخَطَّابِ أَصَابَ أَرْضًا بِحَيِّيرَ، فَأَتَى النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَسْتَأْمُرُهُ فِيهَا، فَقَالَ: يَا رَسُولَ اللَّهِ، إِنِّي أَصَبْتُ أَرْضًا بِحَيِّيرَ لَمْ أَصِبْ مَالًا قَطُّ أَنْفَسَ عِنْدِي مِنْهُ، فَمَا تَأْمُرُ بِهِ؟ قَالَ: إِنْ شِئْتَ حَبَسْتَ أَصْلَهَا، وَتَصَدَّقْتَ بِهَا قَالَ: فَتَصَدَّقَ بِهَا عُمَرُ، أَنَّهُ لَا يُبَاعُ وَلَا يُوهَبُ وَلَا يُورَثُ، وَتَصَدَّقَ بِهَا فِي الْفُقَرَاءِ، وَفِي الْغُرَبَى، وَفِي الرِّقَابِ، وَفِي سَبِيلِ اللَّهِ، وَابْنِ السَّبِيلِ، وَالصَّيْفِ، لَا جُنَاحَ عَلَيَّ مَنْ وَلِيَهَا أَنْ يَأْكُلَ مِنْهَا بِالْمَعْرُوفِ، وَيُطْعِمَ غَيْرَ مُتَمَوِّلٍ.

Terjemahan: Daripada Ibn Umar r.a. bahawa Umar al-Khattab r.a. memperoleh sebidang tanah di Khaibar. Beliau pergi menemui Nabi SAW untuk meminta pandangan baginda mengenainya. Umar berkata: “Wahai Rasulullah, saya telah memperoleh sebidang tanah di Khaibar, saya belum pernah memperoleh harta yang lebih berharga daripadanya. Apa yang tuan perintahkan kepada saya mengenainya?” Baginda bersabda: “Jika engkau mahu, tahanlah (wakafkan) asalnya dan sedekahkan hasilnya.” Lalu Umar menyedekahkan tanah tersebut dengan syarat tidak boleh dijual, tidak boleh dihadiahkan dan tidak boleh diwariskan. Tanah itu diwakafkan untuk orang-orang fakir, kaum kerabat, memerdekakan hamba, pada jalan Allah, *ibn sabil* (musafir) dan tetamu. Tidak mengapa bagi orang yang menguruskannya memakan sebahagian hasilnya dengan cara yang baik dan memberi makan orang lain tanpa menjadikannya sebagai harta milik.

[Al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ Al-Bukhārī*, Kitab al-Shurūṭ, Bab al-Shurūṭ fi al-Waqf, no. hadith: 2737; Kitab al-Waṣāyā, no. hadith: 2772 & 2773; Muslim, *Ṣaḥīḥ Muslim*, Kitab al-Waṣiyyah, no. hadith: 1632, 1633]

Al-Shafi‘i menegaskan bahawa wakaf adalah satu hakikat *syar‘iyyah* yang tidak pernah dikenali pada zaman jahiliah, dan hadis Umar r.a. adalah wakaf pertama yang disyariatkan dalam Islam (Al-Muṭī‘ī, 1987; Al-Khinn,

1992; Al-Zayla‘ī, 1998). Ibn Ḥajar (2001) menegaskan bahawa Hadis Umar r.a. adalah asas pensyariatian wakaf. Beliau menyatakan bahawa para sahabat dan generasi selepas mereka telah berijmak tentang keabsahan dan keutamaan wakaf, serta menetapkan prinsip utama wakaf iaitu menahan harta asal (*ḥabsu al-aṣl*) dan menyedekahkan hasilnya (*tasbīl al-thamar*), serta larangan menjual, menghadiahkan atau mewariskan harta wakaf. Beliau juga menambah bahawa syarat pewakaf mesti dipatuhi dan pengurus wakaf dibenarkan mengambil manfaat secara makruf, selagi tidak melebihi keperluan dan tidak menjadikannya sebagai milik peribadi (Ibn Ḥajar, 2001).

Pandangan ini turut disokong oleh al-Nawawī (t.t.) menegaskan bahawa hadis ini menjadi asas hukum wakaf dan para ulama telah sepakat bahawa wakaf adalah satu bentuk *ṣadaqah jāriyah* yang berterusan manfaatnya kepada masyarakat. Ulama lain seperti Ibn Qudāmah (1997), Al-Saffārīnī (2007), Al-‘Aynī (t.t.), dan Abū Zahrah (2005) juga menekankan prinsip pengekalan harta wakaf serta pengagihan hasil secara berterusan, di samping keharusan pengurus mengambil manfaat secara makruf. Kesepakatan ini menunjukkan bahawa Hadis Umar r.a. telah membawa kepada ijmak tentang keabsahan dan keutamaan wakaf dalam Islam.

Dari perspektif maqasid syariah, institusi wakaf mesti memenuhi objektif pemeliharaan lima perkara asas iaitu agama, nyawa, akal, keturunan dan harta (Al-Shātibī, 2004). Hal ini menunjukkan bahawa wakaf bukan sahaja berfungsi sebagai mekanisme pemeliharaan harta, tetapi juga sebagai instrumen pembangunan ummah secara holistik, meliputi aspek spiritual, sosial dan ekonomi (Kamali, 2020).

Analisis tekstual dan kontekstual terhadap hadis-hadis wakaf mendedahkan fleksibiliti syariah dalam mengadaptasi amalan wakaf mengikut keperluan semasa. Al-Qaraḍāwī (1994) menegaskan bahawa wakaf adalah antara instrumen syariah yang bersifat dinamik, mampu menyesuaikan diri dengan perubahan zaman tanpa mengorbankan prinsip asasnya. Kajian terhadap sanad dan matan hadis, serta interpretasi ulama terhadap hadis-hadis wakaf, memberikan asas kukuh bahawa wakaf adalah ibadah yang sah dan berterusan manfaatnya (Shaharuddin, 2020).

Metodologi adaptasi hadis dalam konteks sejarah menunjukkan bahawa wakaf telah berkembang mengikut realiti masyarakat sejak zaman sahabat hingga ke era klasik. Ramli et al. (2021) menekankan bahawa pemahaman terhadap konteks sejarah amat penting untuk memastikan relevansi dan keberkesanan wakaf dalam memenuhi keperluan masyarakat. Dengan itu, wakaf dilihat bukan sekadar instrumen kebajikan, tetapi juga mekanisme sosial yang menyumbang kepada kesejahteraan umat Islam. Hadis Umar r.a. menjadi asas utama dalam pensyariatian wakaf, dengan parameter syariah yang digariskan melalui larangan menjual, menghadiahkan atau mewariskan harta wakaf, serta penekanan terhadap pengekalan harta asal dan

pengagihan hasil secara berterusan. Prinsip ini menjadi panduan dalam pembangunan sistem wakaf sepanjang sejarah, memastikan keseimbangan antara pemeliharaan tradisi dan keperluan masyarakat (Tajuddin et al., 2020).

Panduan Rasulullah SAW dalam hadis ini memberikan kerangka komprehensif yang memastikan wakaf kekal sebagai instrumen kebajikan yang berterusan, selari dengan tuntutan syariah dan maqasidnya. Oleh itu, pemahaman mendalam terhadap asas dan prinsip hadis wakaf adalah penting untuk memastikan wakaf terus relevan dan sahih dari perspektif syariah. Usaha berterusan dalam penyelidikan, pembangunan, serta pemantauan dan penilaian yang konsisten adalah penting untuk memastikan wakaf kekal sebagai instrumen kebajikan yang menyumbang kepada kesejahteraan umat Islam (Buang, 2021; Mohd Ariffin, 2022).

Kesimpulannya, Hadis Umar r.a. bukan sahaja menjadi dalil utama pensyariatan wakaf, tetapi juga menetapkan prinsip-prinsip fiqh yang wajib dipatuhi dalam pengurusan dan pelaksanaan wakaf. Prinsip tersebut meliputi pengekalan harta asal, pengagihan hasil secara berterusan, larangan menjual atau mewariskan harta wakaf, serta keharusan pengurus mengambil manfaat secara makruf.

3.2 Fiqh Hadis dan Waqaf Digital

Bahagian ini akan membincangkan tiga aspek penting iaitu yang pertama ialah prinsip *ḥabsu al-aṣl* dan blok rantai. Aspek kedua ialah prinsip *tasbīl al-thamar* dan kontrak pintar, dan yang ketiga ialah pemantauan berterusan dan IoT, yang masing-masing menunjukkan bagaimana fiqh hadis berperanan sebagai kerangka normatif, manakala teknologi moden berfungsi sebagai instrumen praktikal untuk memperkukuh integriti, keberkesanan dan kesinambungan wakaf dalam era semasa.

3.2.1 Prinsip Ḥabsu al-Aṣl dan Blok Rantai

Dalam fiqh wakaf, prinsip *ḥabsu al-aṣl* bermaksud aset wakaf tidak boleh dijual, diwariskan atau dipindahkan. Hadis Umar r.a. menetapkan syarat ini sebagai asas utama dalam pensyariatan wakaf, yang mana harta wakaf mesti dikekalkan agar manfaatnya dapat disalurkan secara berterusan kepada penerima yang ditentukan pewakaf. Prinsip ini menjadi tunjang fiqh wakaf dan telah diinterpretasi oleh ulama sebagai jaminan keabadian harta wakaf demi kepentingan masyarakat (Abū Zahrah, 2005).

Kajian kontemporari menyorot bagaimana prinsip ini dapat dipelihara dalam konteks moden melalui teknologi digital. Bakar (2019) serta Lahsasna dan Hassan (2021) menekankan bahawa teknologi blok rantai dan kontrak pintar berfungsi sebagai mekanisme sokongan untuk mengekalkan prinsip

kekekalan aset wakaf. Blok rantai menterjemahkan prinsip ini melalui sifat *immutability* (tidak boleh diubah) dan *transparency* (ketelusan). Setiap transaksi wakaf direkodkan secara kekal dalam lejar digital yang desentralisasi, sekali gus menghalang sebarang bentuk manipulasi atau pencairan aset pokok wakaf. Berbanding dengan sistem tradisional yang bergantung kepada dokumen fizikal yang berisiko hilang atau dimanipulasi, blok rantai memastikan rekod kekal, telus dan boleh diaudit oleh semua pihak. Ketelusan ini bukan sahaja meningkatkan tahap kepercayaan awam terhadap institusi wakaf, malah memperkukuh integriti pengurusan dana wakaf (Soamole, 2025).

Selain itu, penggunaan kontrak pintar dalam sistem blok rantai membolehkan pelaksanaan syarat-syarat wakaf secara automatik, berdasarkan kehendak *wāqif* (pewakaf) yang telah disahkan oleh pihak berautoriti syariah. Kontrak pintar bertindak sebagai mekanisme kawalan sendiri yang memastikan dana wakaf hanya digunakan untuk tujuan yang dibenarkan, tanpa keperluan campur tangan manual yang berisiko membuka ruang berlakunya penyelewengan (Abdel Mohsin & Muneeza, 2019; Zakariyah et al., 2022; Manshor et al., 2024).

Dari sudut fiqh dan maqasid syariah, teknologi ini selari dengan prinsip keabadian harta wakaf dan pengagihan manfaat berterusan. Kajian oleh Hassan dan Mustafa (2023) menekankan bahawa Lembaga Penasihat Syariah (LPS) memainkan peranan penting dalam memastikan inovasi seperti blok rantai tidak menyimpang daripada prinsip syariah. Tambahan pula, Faizi et al. (2024) serta Bhatt dan Sisodia (2024) menegaskan bahawa pematuhan kepada prinsip seperti penghindaran *gharar*, *ribā* dan *maysīr* adalah asas dalam menilai kesesuaian teknologi baharu dalam kewangan Islam. Oleh itu, sebarang aplikasi blok rantai dalam wakaf perlu disokong oleh kerangka tadbir urus syariah yang kukuh dan pengawasan berterusan oleh pihak berautoriti seperti Majlis Agama Islam Negeri dan Bank Negara Malaysia (Muryanto, 2022; Razak et al., 2020).

Dari perspektif prestasi dan keberkesanan, kajian empirikal oleh Soamole (2025) menunjukkan bahawa penggunaan model blok rantai hibrid yang patuh syariah telah meningkatkan pulangan ke atas aset (ROA) dan ekuiti (ROE) dalam kalangan firma *fintech* Islam. Simulasi Monte Carlo yang dijalankan menunjukkan pengurangan masa transaksi daripada 3.2 hari kepada hanya 12.4 saat, dengan kos operasi di bawah USD1.00 serta auditabiliti penuh terhadap semua transaksi. Perkara ini membuktikan bahawa teknologi blok rantai bukan sahaja menepati prinsip syariah, malah mampu meningkatkan kecekapan operasi dan daya saing institusi wakaf (Sari, 2025).

Namun, keberkesanan blok rantai sebagai penjamin *ḥabsu al-aṣl* bergantung kepada tahap literasi teknologi dan kesediaan institusi wakaf untuk bertransformasi. Kajian oleh Kasmon et al. (2024) dan Nawi (2024)

menunjukkan bahawa walaupun terdapat kesedaran terhadap potensi *fintech* dalam sektor sosial Islam seperti wakaf, masih wujud kekangan dari segi infrastruktur, perundangan dan keseragaman tadbir urus antara negeri. Oleh itu, pelaksanaan teknologi ini perlu disokong oleh dasar awam yang inklusif, pembangunan kapasiti dan kerjasama erat antara penggubal dasar, institusi kewangan Islam, dan pakar syariah (Manaf et al., 2024; Muryanto, 2022).

Oleh yang demikian, fiqh tradisional berperanan sebagai kerangka normatif yang menetapkan asas hukum, syarat kesahihan, prinsip kekekalan dan manfaat berterusan. Aspek tersebut membekalkan prinsip tetap yang mesti dipelihara dalam apa jua keadaan (Wizārat al-Awqāf al-Miṣriyyah, 2002). Sementara itu, teknologi digital berfungsi sebagai instrumen praktikal yang memungkinkan prinsip-prinsip ini diaplikasikan secara efektif dalam ekosistem moden. Teknologi menawarkan kelebihan seperti rekod kekal, automasi pengagihan dan audit masa nyata, yang dapat membantu memastikan pemeliharaan prinsip fiqh dalam realiti semasa (Murād, 2016). Oleh itu, fiqh menetapkan “apa” yang mesti dipelihara, manakala teknologi menjelaskan “bagaimana” ia boleh dipelihara secara efektif dan berterusan, menjadikan kedua-duanya saling melengkapi: fiqh sebagai panduan normatif dan teknologi sebagai alat pelaksanaan praktikal.

3.2.2 Prinsip Tasbīl al-Thamar dan Kontrak Pintar

Hasil wakaf mesti disalurkan secara berterusan kepada penerima manfaat, menjadikan prinsip *tasbīl al-thamar* sebagai salah satu teras utama dalam fiqh wakaf. Dalam konteks tradisional, manfaat wakaf diagihkan secara konsisten kepada golongan penerima yang ditentukan pewakaf, sebagaimana dihuraikan oleh al-Shātibī (2004), Ibn Jibrīn (2001) dan Ibn Qudāmah (1997). Prinsip ini memastikan kesinambungan kebajikan dan mengekalkan tujuan asal pewakaf dalam jangka panjang.

Dalam konteks moden, prinsip ini dapat diterjemahkan melalui penggunaan kontrak pintar. Kontrak pintar berfungsi sebagai perjanjian digital yang dilaksanakan secara automatik berdasarkan syarat yang ditetapkan pewakaf, sekali gus mengurangkan risiko kelewatan, salah tadbir atau penyelewengan. Kajian oleh Lahsasna & Hassan (2021) menunjukkan bahawa kontrak pintar membolehkan pengagihan manfaat dilakukan secara berkala dan tepat pada masanya, selaras dengan kehendak pewakaf. Sebagai contoh, jika pewakaf menetapkan hasil wakaf diagihkan setiap bulan kepada fakir miskin, kontrak pintar akan melaksanakan arahan tersebut secara automatik tanpa memerlukan campur tangan manual. Hal ini bukan sahaja memastikan pengagihan manfaat berlaku secara konsisten, tetapi juga meningkatkan kepercayaan masyarakat terhadap institusi wakaf.

Pandangan fiqh semasa turut menyokong penggunaan teknologi moden dalam urusan muamalat, termasuk kontrak elektronik, asalkan mematuhi syarat-syarat dan prinsip syariah yang telah ditetapkan (Mursī, 2022). Lebih kritikal, kontrak pintar juga menyediakan mekanisme audit digital yang meningkatkan tahap ketelusan dan tadbir urus. Kajian oleh Wan Haniff et al. (2025) menegaskan bahawa integrasi kontrak pintar dalam pengurusan wakaf bukan sahaja memperkukuh tadbir urus, tetapi juga menyokong prinsip *mīzān* antara keperluan syariah dan kemaslahatan semasa. Dalam perbincangan fiqh kontemporari, para ulama menegaskan bahawa penggunaan teknologi moden dalam pelaksanaan kontrak, termasuk audit digital, adalah dibenarkan selagi mematuhi prinsip syariah dan maqasidnya, iaitu memastikan pemeliharaan harta dan kebajikan masyarakat (Mursī, 2022). Dengan automasi pengagihan dan audit masa nyata, kontrak pintar bukan sahaja menepati prinsip fiqh wakaf, tetapi juga memperkukuh keberkesanan dan kesinambungan manfaat wakaf dalam era digital (Saleh et al., 2023).

Oleh itu, kontrak pintar dalam pengurusan wakaf adalah inovasi yang bukan sekadar teknikal, tetapi instrumen syariah yang memperkukuh prinsip *tasbīl al-thamar*. Perkara ini memastikan manfaat wakaf diagihkan secara berterusan, telus dan selaras dengan maqasid syariah, sekali gus meningkatkan keberkesanan, ketelusan dan kepercayaan masyarakat terhadap institusi wakaf.

3.2.3 Pemantauan Berterusan dan IoT

Dalam fiqh, peranan *nāzīr* atau *mutawallī* adalah sangat penting untuk memastikan aset wakaf diurus dan digunakan mengikut tujuan asal pewakaf. Para ulama menegaskan bahawa pengawasan, pemantauan dan pencatatan yang teliti adalah sebahagian daripada tugas utama *nāzīr*. Pemantauan rekod dan kerja wakil *nāzīr* adalah inti tugas pengawasan iaitu untuk melindungi wakaf dan tujuannya serta mengawal hasil dan perbelanjaannya (Al-Amānah al-‘Āmmah li al-Awqāf, 2017). Malah, fiqh menekankan keperluan untuk mengawal rekod dan mengaudit para wakil sebagai langkah utama menjaga ketelusan dan integriti pengurusan wakaf.

Dalam konteks moden, teknologi *Internet of Things* (IoT) memperkukuh fungsi pengawasan ini dengan menyediakan data masa nyata (*real-time*) mengenai penggunaan aset wakaf digital. Sensor atau sistem pemantauan automatik boleh mengesan aliran manfaat, penggunaan aset, dan memastikan manfaat tersebut sampai kepada penerima yang sah, selari dengan syarat pewakaf. Hal ini selaras dengan prinsip fiqh yang menuntut agar *nāzīr* wajib bertindak dengan cara yang paling baik untuk kepentingan wakaf (Ahmad et al., 2023; Rupita & Afifah, 2024).

Penggunaan IoT sebagai alat teknikal untuk pengawasan juga memenuhi tuntutan maqasid syariah, iaitu menjaga harta dan memastikan

manfaat wakaf berterusan kepada masyarakat. Fiqh mengiktiraf keperluan inovasi dalam pengurusan wakaf, asalkan ia mematuhi syarat syariah dan menjaga maslahat wakaf. Fleksibiliti fiqh Islam membolehkan wakaf berkembang sebagai wadah kewangan yang luas, termasuk dalam aspek pelaburan, dengan syarat ia tidak bercanggah dengan prinsip asas syariah (Laluddin et al., 2024; Yusuf & Abubakar, 2024).

Penelitian terhadap elemen-elemen penting dalam hadis wakaf juga mendedahkan keperluan untuk mengadaptasi bentuk-bentuk harta wakaf tradisional kepada realiti semasa (Al-Zuhaylī, 1989). Hal ini termasuk kaedah penyerahan dan penerimaan wakaf secara digital, penetapan syarat pewakaf dan penerima manfaat dalam konteks dalam talian, serta peranan dan tanggungjawab *nāzir* atau *mutawallī* yang kini perlu dilengkapi dengan kemahiran digital (Mahamood, 2019).

Akhirnya, syarat-syarat kesahihan wakaf menurut hadis tetap menjadi teras dalam pembangunan wakaf, sama ada dalam bentuk tradisional mahupun digital. Syarat tersebut merangkumi pewakaf (*al-wāqif*), harta yang diwakafkan (*al-mawqūf*), penerima manfaat (*al-mawqūf ‘alayh*) dan *sīghah* (*ījāb* dan *qabūl*) (Ibn Qudāmah, 1997). Justeru, sebarang platform pengurusan wakaf mesti direka bentuk untuk memenuhi kesemua syarat ini, dengan mengambil kira cabaran semasa tanpa mengkompromikan kesahihan wakaf dari sudut syariah (Hasan et al., 2021).

Kesimpulannya, fiqh menetapkan tanggungjawab pengawasan kepada *nāzir*, manakala IoT menyediakan alat teknikal yang membolehkan pengawasan dilaksanakan secara lebih efektif, telus dan masa nyata, sekali gus memperkukuh integriti dan keberkesanan pengurusan wakaf (Hassan & Ali, 2023). Pendekatan ini memastikan manfaat wakaf diagihkan dengan berkesan dan mengikut tujuan asal pewakaf, selari dengan prinsip *ta‘bīd* dan *tasbīl al-thamar*.

3.3 Visi Ekosistem dalam Merealisasikan *Ṣadaqah Jāriyah*

Wawasan untuk membangunkan ekosistem filantropi Islam yang mampan melalui wakaf digital di Malaysia adalah selaras dengan konsep *ṣadaqah jāriyah*, iaitu amalan kebajikan berterusan yang memberi manfaat jangka panjang kepada masyarakat. Wakaf digital berpotensi menjadi pemacu utama dalam memperluas akses kepada pembiayaan sosial Islam, selari dengan maqasid syariah dan matlamat pembangunan lestari (SDG) (Abdel Mohsin & Muneeza, 2019). Teknologi seperti blok rantai, AI, dan *crowdfunding* telah mula diteroka sebagai alat untuk memperkukuh keberkesanan dan ketelusan pengurusan wakaf.

Namun begitu, pelaksanaan visi ini berdepan dengan pelbagai cabaran struktur dan sistemik. Salah satu isu utama ialah ketidakseragaman undang-

undang wakaf antara negeri-negeri di Malaysia. Kajian oleh Manaf et al. (2024) dan Manshor et al. (2024) menunjukkan bahawa ketiadaan kerangka perundangan yang seragam menyebabkan ketidakpastian dalam status hukum dan pentadbiran wakaf digital. Perkara ini menjejaskan pematuhan prinsip *habsu al-ʿaṣl* secara nasional dan menyukarkan pelaksanaan sistem digital yang bersifat universal.

Walaupun Suruhanjaya Sekuriti Malaysia telah mengeluarkan garis panduan berkaitan *fintech* Islam, pelaksanaannya masih bergantung kepada kuasa dan keupayaan Majlis Agama Islam Negeri masing-masing (Razak et al., 2020). Kajian oleh Salleh et al. (2023) dan Mokhtar et al. (2024) turut menekankan bahawa kelemahan dalam pentadbiran dan pengesahan digital wakaf menyumbang kepada ketidakefisienan sistem sedia ada. Tanpa penyeragaman dan kerjasama antara negeri, ekosistem wakaf digital akan terus berpecah dan tidak dapat dimanfaatkan secara optimum.

Dari sudut fiqh, sebarang inovasi teknologi dalam pengurusan wakaf mestilah dinilai berdasarkan prinsip *Maṣlaḥah*, iaitu kepentingan umum yang tidak bercanggah dengan nas syariah. Sebagaimana ditegaskan dalam kajian terdahulu, pematuhan kepada prinsip syariah bukan sahaja menjamin kesahihan hukum, tetapi juga memperkukuh kepercayaan awam terhadap sistem kewangan Islam secara menyeluruh (Abdul Ghani & Yaacob, 2021). Teknologi seperti mata wang digital Islam, blok rantai, dan AI perlu disandarkan kepada aset sebenar dan dikawal selia oleh badan pengawasan syariah yang berautoriti (Bhatt & Sisodia, 2024; Hassan & Mustafa, 2023). Kajian oleh Soamole (2025) menunjukkan bahawa penggunaan blok rantai dalam wakaf bukan sahaja meningkatkan kecekapan transaksi dan auditabiliti, tetapi juga menepati prinsip kejelasan kontrak dan penghindaran *gharar*.

Namun, risiko terhadap penipuan, ketidakpastian dan penyimpangan daripada maqasid syariah tetap wujud jika teknologi ini tidak dikawal dengan teliti. Kajian oleh Muryanto (2022) menegaskan bahawa kelemahan dalam pengawasan syariah dan ketiadaan standard piawaian *fintech* Islam boleh menjejaskan kepercayaan awam terhadap wakaf digital. Oleh itu, penglibatan aktif Lembaga Penasihat Syariah (LPS) dan penggubalan piawaian tadbir urus *fintech* Islam adalah amat penting.

Aspek kepercayaan pengguna terhadap teknologi juga memainkan peranan penting dalam membina ekosistem wakaf digital yang berdaya tahan. Tahap kepercayaan terhadap teknologi blok rantai pula mempengaruhi kadar penerimaan masyarakat terhadap wakaf digital (Mokhtar et al., 2024). Walaupun teknologi menawarkan ketelusan dan keselamatan, jurang antara prestasi sebenar dan jangkaan pengguna masih wujud, khususnya dalam proses transaksi dan pengesahan (Salleh et al., 2023; Zakariyah et al., 2022). Kajian oleh Saufi et al. (2021) turut menunjukkan bahawa tahap kepercayaan masyarakat terhadap institusi pengurusan wakaf di Malaysia berada pada tahap

memuaskan, namun masih memerlukan usaha berterusan untuk meningkatkan kredibiliti dan imej institusi wakaf agar selari dengan transformasi digital yang sedang berlaku.

Tambahan pula, pembangunan ekosistem ini perlu disertai dengan pendidikan awam, pembangunan kapasiti institusi, dan pelaksanaan piawaian tadbir urus syariah yang menyeluruh. Kajian oleh Kasmon et al. (2024) dan Nawi (2024) menunjukkan bahawa literasi teknologi dan pemahaman terhadap prinsip Syariah dalam kalangan pentadbir wakaf dan pengguna masih rendah. Hal ini menimbulkan keperluan untuk latihan berstruktur dan modul pendidikan yang menggabungkan aspek teknikal dan syariah.

Dalam konteks pembangunan dasar, Malaysia mempunyai peluang besar untuk menjadi peneraju dalam pembangunan wakaf digital yang patuh syariah. Kejayaan transformasi digital dalam kewangan Islam ini bergantung kepada sinergi antara inovasi teknologi dan pematuhan syariah yang ketat (Suswanto et al., 2025; Sari, 2025). Malaysia, sebagai negara dengan skor tertinggi dalam Indeks Fintech Islam Global (GIFT), mempunyai kelebihan dari segi infrastruktur, kepakaran dan sokongan kerajaan (Razak et al., 2020; Manaf et al., 2024).

Akhirnya, untuk merealisasikan visi *sadaqah jāriyah* melalui wakaf digital, kerjasama antara institusi kewangan Islam, penggubal dasar, pakar teknologi dan ulama syariah adalah amat penting. Pendekatan bersepadu yang menggabungkan teknologi, fiqh dan tadbir urus adalah kunci kepada kejayaan ekosistem wakaf digital (Abdel Mohsin & Muneeza, 2019). Dengan sokongan dasar yang progresif dan kerangka perundangan yang mantap, wakaf digital boleh menjadi pemacu utama kepada pembangunan sosial Islam yang berterusan dan inklusif.

4. Kesimpulan

Makalah ini menyimpulkan bahawa kejayaan dan kesahihan kerangka wakaf digital di Malaysia berakar umbi pada pemeliharaan prinsip asas dalam Hadis Umar r.a., terutamanya *habsu al-aşl* dan *tasbīl al-thamar*. Kajian membuktikan bahawa integrasi teknologi blok rantai sangat signifikan kerana ia berfungsi sebagai instrumen syariah yang menjamin pengkalan aset melalui sifat rekod kekal dan pelaksanaan kontrak pintar, sekali gus meningkatkan kecekapan, ketelusan dan integriti pengurusan wakaf digital. Penemuan ini menyediakan asas teoretikal dan fiqh yang kukuh bagi pembangunan wakaf digital dan menyumbang kepada literatur dengan menganalisis secara mendalam hubungan antara prinsip tradisional wakaf dengan inovasi teknologi.

Namun begitu, untuk merealisasikan visi *sadaqah jāriyah* dan mencapai kelestarian, cabaran struktur dan sistemik mesti ditangani,

terutamanya isu ketidakseragaman undang-undang wakaf antara negeri dan keperluan untuk pengawasan syariah yang seragam dan ketat. Transformasi wakaf digital yang berjaya memerlukan pendekatan holistik dan kerjasama erat antara pihak berkepentingan, termasuk institusi wakaf dan pembuat dasar, bagi merangka rangka kerja tadbir urus yang seragam dan progresif. Dengan pematuhan Syariah yang ketat dan inovasi yang disokong dasar, wakaf digital berpotensi besar untuk menjadi pemacu utama kepada pembangunan sosial Islam yang mampan di Malaysia.

Rujukan

- Abdel Mohsin, M. I., & Muneeza, A. (2019). Integrating waqf crowdfunding into the blockchain: A modern approach for creating a waqf market. In *Blockchain for Islamic Social Finance* (pp. 267–284). Routledge. <https://doi.org/10.4324/9781351025584-17>
- Abdul Ghani, H. & Yaacob, N. (2021). Kepentingan Patuh Syariah dalam Keperluan Pengurusan Kewangan. *RABBANICA - Journal of Revealed Knowledge*, 2(2), 1 - 18.
- Abū Zahrah, M. (2005). *Muḥāḍarāt fī al-Waqf*. Dār al-Fikr al-‘Arabī.
- Ali, M., Muhamad Don, M. A., & Mohd Noor, A. H. (2017). *Pengurusan dana wakaf universiti menurut Enakmen Wakaf Negeri Selangor*. Universiti Teknologi MARA (UiTM).
- Al-Bukhārī, M. I. (2001). *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* (Al-Nāṣir, M. Z., Ed.). Dār Ṭawq al-Najāh.
- Al-‘Aynī, M. A. (t.t.). *‘Umdat al-qārī sharḥ ṣaḥīḥ al-Bukhārī* (M. M. ‘A. Āghā al-Dimashqī, Ed.). Al-Maktabah al-Salafiyyah.
- Al-Amānah al-‘Āmmah li al-Awqāf. (2017). *Mudawwanat aḥkām al-waqf al-fiqhiyyah* (1st ed.). Al-Amānah al-‘Āmmah lil-Awqāf.
- Al-Khinn, M., al-Buḡā, M., & al-Sharbajī, ‘A. (1992). *Al-Fiqh al-manhajī ‘alā madhhab al-Imām al-Shāfi‘ī rahimahū Allāh ta‘ālā* (4th ed.). Dār al-Qalam li al-Ṭibā‘ah wa al-Nashr wa al-Tawzī‘.
- Al-Muṭṭī, M. N. (1987). *Al-Majmū‘ sharḥ al-Muhadhdhab*. Al-Maktabah al-Salafiyyah.
- Al-Nawawī, Y. S. (t.t.). *Al-Minhāj sharḥ ṣaḥīḥ Muslim bin al-Hajjāj* (2nd ed.). Dār Iḥyā’ al-Turāth al-‘Arabī.
- Al-Qaraḍāwī, Y. (1994). *Fiqh al-Zakāt*. Maktabah Wahbah.
- Al-Qushayrī, M. H. (1916). *Al-Jāmi‘ al-Ṣaḥīḥ (Ṣaḥīḥ Muslim)* (Afandī, M. D., et al., Eds.). Dār al-Ṭibā‘ah al-‘Āmmah.
- Al-Saffārīnī, M. A. (2007). *Kashf al-lithām sharḥ ‘Umdat al-aḥkām* (N. D. Ṭālib, Ed.; 1st ed.). Wizārat al-Awqāf wa al-Shu‘ūn al-Islāmiyyah.
- Al-Shāṭibī, I. M. (2004). *Al-Muwāfaqāt fī Usūl al-Sharī‘ah*. Dār al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Al-Zuhaylī, W. (1989). *Al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuh*. Dar Al-Fikr Al-Mu‘āsir.
- Ali, M., Muhamad Don, M. A., & Mohd Noor, A. H. (2017). *Pengurusan dana wakaf universiti menurut Enakmen Wakaf Negeri Selangor*. *Tesis Doktor Falsafah*, Universiti Teknologi MARA (UiTM).
- Bakar, M. D. (2019). Evolution of Digital *Waqf* in Malaysia. *Journal of Islamic Finance*, 8(1), 45-60.
- Bhatt, A. J., & Sisodia, K. (2024). Use of blockchain in Islamic finance. In *Blockchain Technology in Financial Services*. CRC Press.
- Buang, A. H. (2021). Digital *Waqf* Development in Malaysia: Challenges and Opportunities. *Journal of Islamic Finance*, 10(2), 78-92.

- Faizi, F., Rohim, A. N. R., Surbakti, M. H., Munir, M., & Qulsum, U. (2025). Ensuring Shariah compliance in the Fintech: A comprehensive analysis from Indonesia. *Qualitative Research in Financial Markets*, 1–31.
- Hasan, A. & Hassan, R. (2020). Digital Transformation of *Waqf* Institutions in Malaysia. *International Journal of Islamic Economics*, 12(2), 123-140.
- Hasan, A., Ali, M. M., & Hassan, R. (2021). Shariah Parameters for Digital *Waqf* Platforms. *Islamic Economic Studies*, 29(2), 67-85.
- Hassan, A. F. S., & Mustafa, H. (2023). Financial innovation in Islamic banks: Evidence on the interaction between Shariah board and FinTech. *Journal of Islamic Accounting and Business Research*, 14(1), 45–62.
- Hassan, R. & Ali, M. M. (2023). Technological Innovation in Digital *Waqf* Management. *Islamic Economic Studies*, 32(2), 45-62.
- Ibn Hajar, al-'Asqalānī, A. A. (2001). *Fath al-Bari bi Sharh Şaḥīḥ al-Bukhārī*. Al-Amīr al-Sultān bin 'Abd 'Azīz Āl Sa'ūd.
- Ibn Jibrīn, 'A. b. 'A. (2001). *Ibhāj al-mu'minīn bi-sharḥ Minhāj al-sālikīn wa-tawḍīḥ al-fiqh fī al-dīn* (A. b. H. Abū Lawz, Ed.; 1st ed.). Dār al-Waṭan.
- Ibn Qudāmah, A. A. (1997). *Al-Mughnī sharḥ mukhtaṣar al-Khiraqī*. (Al-Turkī, A., & Al-Ḥilw, A. Eds.). Dār 'Ālam al-Kutub.
- Johari, F., Ab. Aziz, M. R., & Ali, A. F. M. (2019). Identifying the potential of continuity in cash waqf contribution: A study of factors influencing repeat contribution in Malaysia. *Journal of Muamalat and Islamic Finance Research (JMIFR)*, 16(1), 1–14.
- Kamali, M. H. (2020). Maqasid al-Shariah in Digital *Waqf* Development. *Islamic Studies*, 59(2), 156-172.
- Kasmon, B., Ibrahim, S. S., Daud, D., Raja Hisham, R. R. I., & Prajanti, S. D. W. (2024). FinTech application in Islamic social finance in Asia region: A systematic literature review. *International Journal of Ethics and Systems*, 41(1), 213–237.
- Lahsasna, A. (2018). *Fundamentals of Digital Waqf*. INCEIF Publication.
- Lahsasna, A., & Amir S. (2022). Strategic Opportunities in Digital *Waqf* Development. *Journal of Islamic Finance*, 11(1), 90-105.
- Lahsasna, A., & Hassan, R. (2021). Smart Contracts in Digital *Waqf* Management. *International Journal of Islamic Economics*, 13(2), 112-128.
- Laluddin, H., Shah Haneef, S. S., Haji Mohammad, M. T. S. & Rahman, M. P. (2024). Revisiting the concept of waqf: Its maintenance, issues and challenges. *Centre for Islamic Economics, IIUM*.
- Mahamood, S. M. (2019). Digital Transformation of *Waqf* Institutions: Legal perspectives. *Islamic Economic Studies*, 27(2), 78-94.
- Mahamood, S. M., Hassan, R., & Buang, A. H. (2021). Digital Literacy in *Waqf* Management. *Islamic Economic Studies*, 29(3), 89-104.
- Manaf, A. W. A., Siong, W. H., & Razak, H. A. (2024). Legal barriers and opportunities in the digital transformation of waqf management in Malaysia: A critical analysis. *AZJAF: Journal of Zakat and Awqaf*, 5(1), 1–15.
- Manshor, N. M., Hussin, R., Sirat, N. I. M., & Sanek, S. K. A. (2024). Digital waqf in Malaysia: Legal analysis and current challenges. *International Journal of Law, Government and Communication*, 9(3), 88–102.
- Mohd Ariffin, N. A. (2022). Digital *Waqf* Transformation: A Malaysian Perspective. *Islamic Economic Studies*, 30(2), 123-140.
- Mokhtar, M. Z., Sapuan, N. M., & Safian, S. S. S. (2024). Evaluating trust in blockchain technology for waqf adoption: Insights from importance-performance map analysis. *Information Management and Business Review*, 16(3), 45–60.

- Multidisciplinary Digital Publishing Institute (MDPI). (2024). Smart Contracts: A New Paradigm for Waqf Management. *Journal of Financial Technologies*, 5(3), 205-220.
- Murād, F. (2016). *Al-Muqaddimah fī Fiqh al-‘Aṣr* (2nd ed.). Al-Jīl al-Jadīd Nāshirūn.
- Mursī, A. M. (2022). Ijra’ ‘uqūd al-mu‘āwāḍāt ‘abr wasā’il al-ittiṣāl al-ḥadīthah badīlan ‘an ḥuḍūr majlis al-‘aqd. *Majallat Kullīyyat al-Dirāsāt al-Islāmiyyah wa al-‘Arabiyyah li al-Banāt bi al-Iskandariyyah*, 38(5), 80–135.
- Muryanto, Y. T. (2022). The urgency of Sharia compliance regulations for Islamic Fintechs: A comparative study of Indonesia, Malaysia and the United Kingdom. *Journal of Financial Crime*, 29(4), 1123–1137.
- Rupita, N. E. & Afifah, D. D. (2024). Digital waqf: Transforming the Islamic economy in the modern era. *Journal of Advanced Waqf and Islamic Economy*, 5(1), 1–15.
- Nawi, N. A. M. (2024). Islamic Fintech and digital transformation: Opportunities and Shariah governance challenges. *Proceedings of the Islamic Finance Conference*, 2(1), 33–45.
- Rahmalan, M. T., & Abu Hussin, M. F. (2021). A systematic review of contemporary and innovative waqf sources: Cash and service waqf. *Jurnal Syariah*, 29(2), 289–316.
- Ramli, M. A., Mahamood, S. M. & Buang, A. H. (2021). Adaptation of *Waqf* Hadith in Digital Era. *Journal of Hadith Studies*, 6(2), 78-94.
- Razak, M. I. B. A., Dali, N. A. M., Dhillon, G., & Manaf, A. W. A. (2020). Fintech in Malaysia: An appraisal to the need of Shariah-compliant regulation. *Pertanika Journal of Social Science and Humanities*, 28(4), 2761–2780.
- Saleh, A. O. H., Muayyad, D. M., & Fahd, A. S. (2023). The Potential of Using Smart Contracts in Cash Waqf on Blockchain. *Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies*, 32(2), 50-59.
- Salleh, N., Kassim, S., Muhammad, N. M., Yusoff, S. S. M., Mahadi, N. F., & Ariffin, K. M. (2023). Application of blockchain technology in the management of waqf institutions: Concepts, challenges and recommendations. In *Proceedings of the International Conference on Computing*. IEEE.
- Sari, E. (2025). Transforming Islamic finance: Innovation opportunities, global challenges, and the role of artificial intelligence in Islamic financial management. *Journal of Islamic Economics and Finance*, 1(1), 1–20.
- Saufi, S., Mohamed, N. A., Saleh, M., Abdul Ghani, H. & Noor, S. (2021). Kajian Terhadap Kepercayaan Masyarakat Terhadap Institusi Pengurusan Waqaf di Malaysia. *RABBANICA - Journal of Revealed Knowledge*, 2(2), 83 - 96.
- Shaharuddin, A. (2020). Understanding *Waqf* Hadith in Contemporary Context. *International Journal of Islamic Economics and Finance*, 3(1), 45-62.
- Soamole, S. B. (2025). Beyond Bitcoin: Developing a hybrid Shariah-compliant blockchain model for Islamic finance – Empirical evidence and simulation analysis. *Journal of Islamic Fintech Studies*, 3(2), 55–78.
- Suswanto, R. E., Wahyudi, I., Rahmawati, R., & Said, M. (2025). Bridging faith and innovation: A systematic literature review of Islamic FinTech adoption patterns and regulatory frameworks (2020–2024). *Muamalah Journal*, 12(1), 1–25.
- Tajuddin, E. M., Hassan, R. & Shaharuddin, A. (2020). Digital *Waqf* Framework: A Conceptual Analysis. *International Journal of Islamic Economics*, 8(2), 89-104.
- Wan Haniff, W. A., Yaacob, N., & Rahman, A. (2025). Integrating Islamic fintech and smart contracts for enhancing governance in waqf asset management. *Proceedings of the International Conference on Islamic Finance and Social Innovation*, 35-48.
- Wizārat al-Awqāf al-Miṣriyyah. (2002). *Shubhāt al-Mushakkikīn*. Al-Majlis al-A‘lā li al-Shu‘ūn al-Islāmiyyah. Diakses dari <https://shamela.ws/book/434>
- World Scientific and Engineering Academy and Society (WSEAS). (2024). Blockchain Technology and Its Application in Waqf Management. *Proceedings of the World Scientific and Engineering Academy and Society*, 23(1), 112-118.

- Yusuf, A. M. & Abubakar, S. (2024). Using Maqasid Shariah to utilize the contemporary waqf: Implementing artificial intelligence as an example. *Knowledge Society*, 12(1), 208–220.
- Zakariyah, H., Salaudeen, A. O., Othman, A. H. A., & Rosman, R. (2022). Enhancing waqf management through fintech in Malaysia: A conceptual framework on the technology acceptance model (TAM). *Journal of Emerging Economies and Islamic Research*, 10(2), 45–60.
- Zulaikha, A., & Rusmita, R. (2018). Pemanfaatan Teknologi Blockchain dalam Pengurusan Wakaf: Satu Tinjauan. *Jurnal Pengurusan dan Kewangan*, 12(2), 45-58.